



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PENJANAAN SISTEM
TENAGA SOLAR ANUGERAH SEKOLAH HIJAU
SEKOLAH KEBANGSAAN KEBUN SIREH, BUKIT
MERTAJAM

TARIKH / MASA / TEMPAT
13 OKTOBER 2019 (RABU)
8.15 PAGI

DEWAN TERBUKA
SEKOLAH KEBANGSAAN KEBUN SIREH
BUKIT MERTAJAM

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hj Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Safuan Bin Shuib

Guru Besar

Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Para Guru serta Murid-Murid

Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh

Warga Kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Perasmian Penjanaan Sistem Tenaga Solar Anugerah Sekolah Hijau Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh yang diadakan di Dewan Terbuka Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh, Bukit Mertajam.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berusaha Encik Safuan Bin Shuib, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh dan Para Guru, kakitangan serta murid-murid Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh dan para hadirin sekalian yang yang sudi meluangkan masa menghadiri majlis pada pagi.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dengan secara rasminya diisytiharkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkuatkuasa pada 16 September 2019. Ianya merupakan satu detik yang

bersejarah selepas empat dekad menjadi Majlis Perbandaran. Dengan pengisytiharan ini, MBSP menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya.

Hala tuju MBSP adalah tetap jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO₂e per kapita** kepada **4.0 tan CO₂e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke *1.5 degree Celcius*. Justeru itu, MBSP telah menetapkan lima (5) komitmen bandaraya iaitu: -

- I. Bandaraya Seberang Perai komited untuk seiring dengan *Penang2030* iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State That Inspires The Nation*”;

- II. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon;

- III. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya berdaya tahan;
- IV. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat; dan
- V. Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya kompetitif dan pembangunan Bandar Pintar.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Program Anugerah Sekolah Hijau adalah salah satu Pelan Tindakan Local Action 21 MBSP dalam usaha untuk menggalakkan dan melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial.

Program ini merupakan program pengauditan alam sekitar bagi sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah pada

tahun 2010. Tujuan program ini ialah untuk memberi pendekatan secara holistik dalam pengurusan alam sekitar dan menggalakkan penambahbaikan secara berterusan. Program ini menerapkan pendidikan alam sekitar kepada semua pelajar untuk membina generasi yang mampu menjaga alam sekitar untuk masa hadapan. Program ini memberikan pengiktirafan kepada pihak sekolah dalam mengurangkan sisa buangan, penjimatan sumber dan matlamatnya untuk pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Visi sekolah hijau adalah “**Penggerak Kelestarian Alam Sekitar**”. Manakala misinya pula adalah “**Berusaha Berterusan Bersama MBSP Bagi Merealisasikan Amalan 8R iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-Gift, Recover and Recycle* Demi Generasi Akan Datang**”.

Setiap sekolah yang menyertai pertandingan Anugerah Sekolah Hijau ini akan dinilai berdasarkan beberapa kriteria utama iaitu Kecekapan Sumber Asli, Inovasi dan Kreativiti, Kebersihan dan Penghijauan, Penglibatan Komuniti dan juga Persembahan.

Sepanjang tempoh Anugerah Sekolah Hijau ini dijalankan, terdapat peningkatan dalam penyertaan dari pihak sekolah, di mana penyertaan daripada sekolah rendah telah meningkat daripada 14 sekolah pada tahun

2010 kepada 116 sekolah pada tahun 2018. Manakala penyertaan sekolah menengah pula telah meningkat daripada 16 sekolah pada tahun 2010 kepada 46 sekolah pada tahun 2018. Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh, Bukit Mertajam telah menyertai Anugerah Soklah Hijau sejak tahun 2010, iaitu selama 10 tahun.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh kerana atas usaha dan kecekalan dalam melaksanakan inisiatif hijau ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, sekolah ini telah mencapai prestasi yang cemerlang dengan menjadi pemenang unggul Anugerah Sekolah Hijau bagi kategori Sekolah Rendah di Peringkat Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2015 lagi. Ini adalah sesuatu yang amat membanggakan. Syabas dan Tahniah sekali lagi kepada tuan-tuan dan puan-puan serta kesemua murid-murid Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh. Sekolah ini telah berusaha sebagai satu pasukan mantap dengan penglibatan dan sokongan padu daripada Guru Besar Sekolah, Penolong Kanan, guru-guru, murid-murid, pekerja-pekerja dan pengusaha kantin ke arah mencapai hasrat serta matlamat sekolah hijau iaitu "*Smart Consumption Model*" 8R. Saya yakin sekolah ini akan

mengekalkan prestasi yang cemerlang pada tahun ini dan tahun-tahun akan datang.

Atas kemenangan sekolah ini pada tahun 2018, Syarikat Jinko Solar menyumbangkan hadiah panel solar yang berkapasiti empat (4) kilowatt kepada sekolah ini. Manakala Pekat Solar pula akan menaja kos pemasangan panel solar ini. Terima kasih kepada kedua-dua penaja kerana sumbangan mereka membolehkan murid-murid dapat mempelajari tenaga yang boleh diperbaharui. Selain daripada aspek pendidikan, penggunaan penjana tenaga solar di Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh dapat mengurangkan 3.5tanCO₂e setahun dan menjimatkan kos bayaran elektrik sebanyak RM2,443.00 setahun dalam *net energy metering* dengan menjana 4,800 kWh. Penjana tenaga dengan sistem solar dapat mendidik generasi muda kepentingan mengguna tenaga yang boleh dibaharui (*renewable energy*).

Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh telah memasang sistem solar ini di makmal komputer. Ini dapat menjimatkan penggunaan elektrik oleh komputer bagi proses PdPc (pembelajaran dan pemudahcaraan) pelajar. Pemasangan panel solar ini berpotensi untuk menyokong usaha-usaha menangani masalah perubahan iklim (*Climate Change*).

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Izinkan saya untuk memberi sedikit penerangan berhubung tenaga solar yang merupakan antara salah satu tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*) yang sedang diterokai oleh MBSP untuk dilaksanakan di Seberang Perai.

Tenaga solar dihasilkan daripada radiasi cahaya matahari yang boleh dimanfaatkan dengan pemasangan panel solar. Tenaga solar kini telah terbukti menjadi sangat berguna, tidak hanya untuk alam sekitar tetapi juga dari segi perbelanjaan. Dengan permintaan yang meningkat naik, teknologi telah ditambah baik dengan ketara dan menjadikannya sumber tenaga yang bersih dan berkesan. Kebaikan penggunaan tenaga solar adalah ianya merupakan tenaga yang boleh diperbaharui; mengurangkan bil elektrik; boleh digunakan untuk pelbagai tujuan; kos penyelenggaraan yang rendah; dan teknologi dan industri tenaga solar sentiasa berkembang maju.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

MBSP sentiasa komited dalam menjadikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Rendah Karbon pada tahun 2022 dan Bandaraya Bebas Karbon

2030. Justeru itu, penajaan dari syarikat-syarikat swasta dalam menyokong inisiatif MBSP ini menunjukkan komitmen pihak swasta terhadap aspirasi MBSP. Usaha MBSP ke arah Low Carbon City bawah Strategi Low Emission Building menyokong penuh Dasar *Penang2030 Strategic Initiative* iaitu Tema D: *Invest in the built environment to improve resilience*. Strategi yang digunakan adalah melalui:-

1. Penggunaan dana MBSP membiayai projek-projek *Low Carbon City*.
2. Melaksanakan *Corporate Social Responsibility* (CSR) dengan kerjasama pelbagai agensi swasta dan badan perniagaan.
3. Pada bulan Mei lalu, MBSP telah muncul sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama dalam negara yang menandatangani Memorandum Perjanjian (MoU) bagi pelaksanaan *Supply Agreement Renewable Energy* (SARE) bagi pengurangan karbon melalui penggunaan tenaga solar.
4. *Private investment* yang merupakan pelaburan dengan syarikat-syarikat swasta.

MBSP telah memilih penajaan tenaga solar untuk mempraktikkan amalan hijau di Seberang Perai dan melangkah setapak lagi ke arah merealisasikan agenda masyarakat karbon rendah menerusi inisiatif bandar pintarnya. Di antara kawasan-kawasan di Seberang Perai yang telah dipasang sistem solar adalah:-

1. Pemasangan di atas bumbung parking motosikal pekerja Menara Bandaraya MBSP di mana sebanyak 220 unit panel solar berkapasiti 265Wp/panel dipasang. *Annual Solar energy yield* adalah 79.93Mwh dan anggaran penjimatan adalah RM26,829.63 setahun bagi tempoh selama 25 tahun. ROI adalah 10 tahun 8 bulan. Kos projek adalah RM300,000.00 dan tempoh projek adalah 14 minggu (15 September 2017 – 22 Disember 2017).
2. Pemasangan sistem solar dibawah Projek *Supply Agreement Renewable Energy* (SARE) bersama pihak TNB dan GSPARK. Pihak TNB dan GSPARK sedang dalam proses membuat tempahan peralatan untuk pemasangan solar di tiga (3) lokasi yang telah ditetapkan. Proses pemasangan di tapak dijangka akan dimulakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari bulan Disember 2019. Lokasi yang dimaksudkan adalah:

- a. **Bangunan Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betek** di mana peralatan sistem solar adalah dari pihak Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC). Kapasiti system adalah 70kWP dengan tawaran tariff RM0.42/kWh. Sebanyak 240 panel solar (340watt/panel) dipasang atas bumbung bangunan. Keupayaan adalah untuk tempoh 25 tahun. Tempoh kontrak bersama pihak TNB dan GSPARK adalah selama 25 tahun.

- b. **Kompleks Sukan MBSP Jalan Betek** di mana peralatan sistem solar adalah juga daripada pihak MESTECC. Kapasiti sistem adalah 54.4kWP dengan tawaran tarif RM0.40/kWh. Sebanyak 160 panel solar (340watt/panel) dipasang atas bumbung grand stand. Tempoh kontrak bersama pihak TNB dan GSPARK adalah selama 25 tahun.

- c. **Kompleks Sukan MBSP Bertam, Kepala Batas.** Kapasiti sistem adalah 88.4kWP dengan tawaran tarif RM0.40/kWh. Sebanyak 260 panel solar (340watt/panel) dipasang atas bumbung bangunan. Tempoh kontrak bersama pihak TNB dan GSPARK adalah selama 25 tahun.

MBSP tidak menanggung sebarang kos awalan di bawah projek SARE. Semua kos pemasangan panel fotovoltaik (*photovoltaic panels*) ditanggung oleh TNB dan GSPARK. Ianya dibuat atas dasar pajakan melalui pembayaran yuran yang telah dipersetujui dan akan tercatat dalam bil TNB. Ini merupakan satu *innovative strategic alliance*.

3. Pemasangan tenaga solar di komuniti Permatang Nibong 4.15 kw yang membekalkan tenaga untuk bengkel jahitan.

4. Sekolah Menengah Kebangsaan Berapit dan sekolah ini, Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh di mana Syarikat Jinko Solar menyumbangkan hadiah panel solar yang berkapasiti empat (4) kilowatt bagi setiap sekolah, manakala Pekat Solar pula menaja kos pemasangan panel solar ini.

5. *Solar farm* di Pulau Burung di tanah milik Sime Darby. Syarikat yang menguruskannya adalah JV PLB Green Solar Sdn. Bhd. (pemilikan PLBT - 60% dan JV Greenviro - 40%). 23MW kos pelaburan RM 105 juta di bawah program LSSPV (*Large Scale*

Solar Farm Photovoltaic) Suruhanjaya Tenaga. PPA (*Power Purchase Agreement*) dengan TNB pada kadar RM 0.408 per kwh selama 21 tahun. Mula COD (*Commission Operation Date*) pada 1hb Disember 2018.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Saya mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh yang telah berjaya menjadi Johan dalam pertandingan Anugerah Sekolah Hijau sejak tahun 2015 serta menjadi Johan di peringkat Negeri Pulau Pinang. Anda telah menunjukkan komitmen yang tinggi serta melaksanakan ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang ke arah perubahan alam sekitar yang positif. Semoga Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh akan terus cemerlang dan dapat dicontohi oleh sekolah-sekolah yang lain. Saya berharap ianya dapat memberi inspirasi kepada semua untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

MBSP juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Syarikat Jinko Solar dan Pekat Solar yang sudi memberi sumbangan panel solar kepada sekolah ini. Saya berharap terdapat banyak lagi syarikat-syarikat solar di

luar sana yang akan mengikut jejak dua buah syarikat ini untuk memberi sumbangan kepada komuniti.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitiran evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”**.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih.